

**KEMAHIRAN GENERIK DAN KOMITMEN KERJA BAGI PEKERJA
DI INDUSTRI KECIL SEDERHANA**

CHUA SIEW LIAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KEMAHIRAN GENERIK DAN KOMITMEN KERJA BAGI PEKERJA
DI INDUSTRI KECIL SEDERHANA

CHUA SIEW LIAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Pendidikan Teknik dan Vokasional)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2017

Untuk keluargaku,

Ibu: Teh Kin Moi dan Suami: Choo Yin Yeow yang dicintai
serta anak-anak: Xin Ying, Xin Wei, Xing Yan dan Xing Yi yang dikasihi

PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan syukur yang tidak terhingga dengan izin dan berkat Tuhan sehingga dapat saya menyiapkan projek penulisan kajian ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih dan penghargaan ikhlas kepada penyelia utama projek, Doktor Yusri Bin Kamin, yang telah meluangkan masa dengan penuh kesabaran untuk memberi bimbingan dan nasihat serta memotivasikan saya supaya berkeyakinan melengkapkan tesis ini. Tanpa sokongan dan nasihat beliau, saya tidak akan mendapat ketabahan dan keyakinan yang sepenuhnya untuk menyiapkan tesis pada masa.

Setinggi-tinggi terima kasih juga saya tujukan kepada P.M. Dr. Mohd Khata Bin Jabor, dan Dr. Hjh Norani Binti Mohd Noor kerana memberi galakan kepada saya sepanjang tempoh penyiapan projek ini. Tanpa bimbingan, dorongan, dan nasihat yang diberikan sudah pasti projek ini tidak dapat saya hasilkan.

Ucapan terima kasih juga dituju kepada pengurus-pengurus, pengurus sumber manusia, dan juruteknik-juruteknik di industri yang telah mengambil bahagian dalam projek ini serta terima kasih kepada rakan-rakan yang menjadi responden kajian rintis projek.

Tidak ketinggalan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada seisi keluarga kerana memahami diri saya dan memberi sokongan moral dari awal sehingga saya menyiapkan projek ini.

ABSTRAK

Keupayaan kerja menjadi topik perbincangan untuk graduan baharu. Para graduan mengalami kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan kerana mereka terlalu memilih dalam mencari kerja yang sesuai, peluang pekerjaan, gaji dan peluang promosi. Walau bagaimanapun, punca utama graduan gagal mendapatkan penempatan dalam industri perlu dinilai dengan mengambil kira pandangan industri itu sendiri. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jangkaan industri terhadap kemahiran generik dan komitmen kerja pekerja dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Kaedah kuantitatif digunakan sebagai kaedah untuk mendapatkan data. 124 orang majikan dan 179 orang juruteknik dari 150 buah PKS di negeri Johor mengambil bahagian sebagai sampel responden. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 19 untuk mendapatkan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian T. Unsur-unsur kemahiran generik yang diperlukan oleh PKS dalam kajian ini adalah kemahiran komunikasi dan kemahiran profesional. Di samping kriteria kemahiran generik, komitmen kerja yang terdiri daripada tanggungjawab pekerjaan, kepuasan kerja dan persekitaran tempat kerja adalah tiga kategori penting dalam PKS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jangkaan industri terhadap kemahiran generik ($p=0.97$) dan komitmen kerja ($p=0.24$). Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi jangkaan industri terhadap prestasi kerja ($p=0.93$). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa PKS mempunyai jangkaan yang sama terhadap kemahiran generik dan komitmen kerja. Berdasarkan hasil kajian, piramid jangkaan bagi kemahiran generik dan komitmen kerja telah dibangunkan dan boleh digunakan sebagai panduan untuk graduan baru bagi mendapatkan pekerjaan.

ABSTRACT

Employability is a topic of discussion for new graduates. Graduates are experiencing difficulties in getting employed due to them being choosy of finding a suitable job, workplace, salary and promotion opportunities. However, the root cause of graduates failing to obtain placements in the industry should be assessed by taking into account the views of the industry itself. The study identified expectations of the industry with regards to generic skills and work commitments of employees in small and medium-sized enterprises (SMEs). Quantitative method was used as a method to obtain the data. 124 employers and 179 technicians from 150 small and medium enterprises in the state of Johor participated as the sample respondents. Data were analyzed using SPSS version 19, from which data frequencies, percentages, means, standard deviations and T-test were computed. Elements of generic skills required by the SMEs in this study were communication skills and professional skills. Besides the criteria of generic skills, work commitment comprising job responsibilities, job satisfaction and workplace environment were three important categories in SMEs. The results showed that there were no significant differences between the expectations of industries for generic skills ($p=0.97$) and work commitment ($p=0.24$). Furthermore, it was also reported that there was no significant difference between the expectations of industry for job performance ($p=0.93$). In conclusion, this study has shown that SMEs have similar expectations of generic skills and work commitments. Based on the findings, a pyramid for generic skills and work commitments was developed and can be used as a guide for new graduates to seek employment.

SENARAI ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	12
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	13
	1.6 Hipotesis Kajian	14
	1.7 Kepentingan Kajian	14
	1.8 Skop Kajian	15
	1.9 Batasan Kajian	15
	1.10 Kerangka Konsep Kajian	16
	1.11 Definisi Operasi Kajian	19
	1.11.1 Jangkaan	19
	1.11.2 Industri	19
	1.11.3 Majikan	19

1.11.4	Industri Kecil Dan Sederhana	20
1.11.5	Kemahiran Kebolehterajaan	20
1.11.6	Kompetensi Kerja	20
1.11.7	Pekerja	21
1.11.8	Pembuatan	21
1.11.9	Penganggur	21
1.11.10	Tanggungjawab	22
1.11.11	Kepuasan Kerja	22
1.11.12	Persekitaran	22
1.11.13	Prestasi kerja	22
1.11.14	Komitmen Kerja	23
1.11.15	Kemahiran Berkomunikasi	23
1.11.16	Kemahiran Profesional	23
1.10	Rumusan	24
2	SOROTAN PENULISAN	25
2.1	Pengenalan	25
2.2	Latar Belakang Sorotan	25
2.3	Isu Pengangguran	27
2.4	Jangkaan Industri	29
2.4.1	Tanggungjawab Kerja	31
2.4.2	Kepuasan Kerja	32
2.4.3	Persekitaran Tempat Kerja	34
2.4.4	Komitmen Kerja	36
2.4.5	Keadilan Di Tempat Kerja	39
2.5	Faktor-Faktor Mempengaruhi Tahap Kepuasan Bekerja	41
2.5.1	Ganjaran	41
2.5.2	Latihan Dan Pembangunan	42
2.5.3	Kepimpinan Dan Pengurusan Yang Baik	43
2.6	Faktor Demografi Dengan Komitmen Pekerja	44
2.7	Kompetensi	45

2.8	Kemahiran Insaniah	45
	2.8.1 Kemahiran Komunikasi	46
	2.8.2 Kemahiran Generik	48
	2.8.3 Kemahiran 'Employability'/Kemahiran Kebolehkerjaan	50
	2.8.4 Sikap Kerja	50
2.9	Profesionalisme	52
2.10	Prestasi Kerja	54
2.11	Akhlak Pekerja	54
2.12	Industri Dan Pekerjaan	55
2.13	Teori-Teori Motivasi	54
	2.13.1 Teori Dua Faktor Herzberg (1959)	57
	2.13.2 Teori Jangkaan Vroom (1964)	58
	2.13.3 Teori Keperluan McClelland	58
2.14	Rumusan	59
3	METODOLOGI KAJIAN	60
3.1	Pengenalan	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	62
	3.3.1 Sampel Majikan	62
	3.3.2 Sampel Pekerja	63
3.4	Instrumen Kajian	64
	3.4.1 Skala Likert	66
3.5	Pembolehubah	67
3.6	Tempat Kajian	68
3.7	Prosedur Kajian	68
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	70
	3.8.1 Kesahan Instrumen	70
	3.8.2 Kebolehpercayaan Instrumen	71
	3.8.3 Analisis Cronbach Alpha	71
3.9	Analisis Data	73

3.10	Ringkasan Jadual Statistik Yang Digunakan	74
3.11	Rumusan	75
4	ANALISIS DATA	76
4.1	Pengenalan	76
4.2	Bahagian A: Analisis Latar Belakang Responden	77
4.2.1	Umur	78
4.2.2	Bangsa	78
4.2.3	Pengalaman Kerja	79
4.2.4	Jenis Jawatan	80
4.2.5	Pendidikan Tertinggi	80
4.2.6	Masa Bekerja Seminggu	81
4.3	Analisis Dapatan Kajian Bahagian B	82
4.3.1	Dapatan Persoalan Kajian 1	83
4.3.2	Dapatan Persoalan kajian 2	86
4.3.3	Dapatan Persoalan Kajian 3	91
4.3.4	Dapatan Persoalan Kajian 4	95
4.3.5	Dapatan persoalan Kajian 5	97
4.3.6	Dapatan persoalan Kajian 6	102
4.3.7	Dapatan persoalan Kajian 7	104
4.4	Rumusan	106
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	107
5.1	Pengenalan	107
5.2	Perbincangan Kajian	108
5.2.1	Dapatan Kajian Latar Belakang Responden	108
5.2.2	Apakah Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Tanggungjawab Pekerja?	111
5.2.3	Apakah Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Kepuasan Pekerja?	112

5.2.4	Apakah Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Persekitaran Tempat Kerja?	116
5.2.5	Apakah Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Kemahiran Berkomunikasi?	117
5.2.6	Apakah Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Kemahiran Profesional?	119
5.2.7	Apakah Jangkaan Industri Terhadap Prestasi Kerja?	120
5.2.8	Adakah Terdapat Perbezaan Kriteria Antara Jangkaan Majikan Dengan Jangkaan Pekerja?	121
5.3	Jangkaan Industri	123
5.4	Rumusan	130
5.5	Cadangan	131
5.5.1	Cadangan Kepada Pekerja	131
5.5.2	Cadangan Kepada Majikan	131
5.5.3	Cadangan Kepada Universiti	132
5.6	Kajian Lanjutan	132
5.7	Penutup	133
	RUJUKAN	135
	Lampiran A-X	167-203

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Analisis Populasi Dan Sampel Kajian	64
3.2	Jumlah Pecahan Soal Selidik Yang Dikaji	66
3.3	Skala Likert	67
3.4	Prosedur Kajian Dijalankan.	69
3.5	Nilai Alpha Cronbach bagi Persoalan Kajian	72
3.6	Nilai Keseluruhan Alpha Cronbach Untuk Item Soalan Bagi Majikan Dan Pekerja	73
3.7	Ringkasan Jadual Statistik Yang Digunakan	74
4.1	Taburan Responden Mengikut Umur	78
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	78
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Pekerja	79
4.4	Taburan Responden Mengikut Jawatan	80
4.5	Taburan Responden Mengikut Pendidikan Tertinggi	80
4.6	Taburan Responden Mengikut Masa Bekerja Seminggu	81
4.7	Analisis Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Tanggungjawab Kerja	83
4.8	Analisis Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Kepuasan Kerja	86
4.9	Analisis Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Persekitaran Tempat Kerja	91
4.10	Analisis Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Kemahiran Berkomunikasi	95

4.11	Analisis Item Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Kemahiran Profesional	97
4.12	Analisis Jangkaan Industri Terhadap Prestasi Kerja	102
4.13	Analisis Perbezaan Kriteria Antara Jangkaan Majikan Dengan Jangkaan Pekerja	104

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Teori Jangkaan	17
1.2	Kerangka Konsep Kajian	18
5.1	Piramid Jangkaan Terhadap Komitmen Kerja	124
5.2	Piramid Jangkaan Terhadap Kemahiran Generik	125
5.3	Piramid Jangkaan Terhadap Prestasi Kerja	125
5.4	Kepentingan Kemahiran Generik Dan Komitmen Kerja Di IKS	126

SENARAI SINGKATAN

ASTD	-	American Society for Training and Development
Bernamea	-	Berita Nasional Malaysia
CEO	-	Chief Executive Officer
Crosstabs	-	Cross Tabulation
ICT	-	Information and Communications Technology
ILO	-	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPT	-	Kementerian Pendidikan Tinggi
IPPTN	-	Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
MTEN	-	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
NACE	-	National Association of Colleges and Employers
NCVER	-	National Centre for Vocational Education Research
OECD	-	Organisation for Economic Co-operation and Development
PKS	-	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PTE	-	Program Transformasi Ekonomi
QWL	-	Quality of Work Life
RMK-11	-	Rancangan Malaysia Kesebelas
SCANS	-	Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills
SHRM	-	Society for Human Resource Management
SMEs	-	Small and Medium-Sized Enterprises
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SPSS	-	Statistical Package for Sociel Science
TVET	-	Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Kajian Pengesanan Graduan KPT	167
B	Kilang IKS Di Negeri Johor Yang Berdaftar Dengan SME Corporation Malaysia Tahun 2015 Januari	168
C	Guna Tenaga Mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama, 2000-2010	172
D	Bilangan Dan taburan Peratus Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2010 & 2011	173
E	Guna Tenaga Mengikut Sektor	174
F	Perangkaan Utama Tenaga Buruh Malaysia , Ogos 2013	175
G	Definasi Perusahaan Kecil dan Sederhana	176
H	Taburan Peratus Penduduk Bekerja Mengikut Industri Dan Jantina Perempuan Di Negeri Johor Bagi Tahun 2001-2009	177
I	Taburan Peratus Penduduk Bekerja Mengikut Industri Dan Jantina Lelaki, Johor, 2001-2009	178
J	Bilangan PKS Mengikut Negeri	179
K	Table For Determining Sample Size From A Given Population	180
L	Soal Selidik Majikan	181
M	Soal Selidik Pekerja	186
N	Pengesahan Soal Selidik	191
O	Pengesahan Status Pelajar	193
P	Analisis Jangkaan Industri Terhadap Kriteria-Kriteria Komitmen Kerja	194

Q	Analisis Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Kemahiran Berkomunikasi	196
R	Analisis Jangkaan Industri Terhadap Kriteria Kemahiran Profesional	197
S	Analisis Jangkaan Industri Terhadap Prestasi Kerja	199
T	Analisis Kriteria-Kriteria Kerja Yang Diperlukan Oleh Majikan Industri	200
U	Analisis Perbezaan Kriteria Antara Jangkaan Majikan Dengan Jangkaan Pekerja	201
V	Kesahan & Kebolehpercayaan	202
W	Surat Permohonan Maklumat	203

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Globalisasi dunia telah bermula dari dekad sembilan belas ke abad ke dua puluh. Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat menjadikan kehidupan manusia semakin kompleks. Manusia dapat berkomunikasi dengan seluruh dunia dalam masa yang singkat menunjukkan batasan geografi dan sosial negara semakin kecil. Negara yang ingin maju harus melibatkan diri dalam globalisasi ekonomi antarabangsa, boleh menangani persaingan, mengawal pasaran, terlibat dengan pengeluaran, pengurusan, teknologi dan modal insan. Negara yang ingin bersaing di dalam pasaran antarabangsa harus mempunyai modal insan yang berpengetahuan, menguasai bahasa Inggeris, berkemahiran tinggi, berinovasi, kreatif, beretika dan kompetitif. Pembentukan modal insan melalui pendidikan dan latihan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Fernandez dan Mauro, 2000).

Di dalam *Education and Economic Growth: From the 19th to the 21st Century*, di dapati bidang pendidikan adalah perlu bagi pembangunan perindustrian. Pakar ekonomi berpendapat bahawa kedua-dua individu dan masyarakat boleh mendapat manfaat daripada pelaburan di dalam bidang pendidikan (Miller, 2007). Menurut Harvey (2003), untuk menerapkan kemahiran kebolehpasaran, pekerja perlu mempunyai ciri-ciri dan pengalaman untuk membolehkan mereka mencapai kejayaan dalam kerjaya.

Pada pertengahan 1980-an, Malaysia mengalami proses transformasi ekonomi. Sektor perkilangan mulai melangkaui sektor pertanian sebagai sektor yang penting. Proses transformasi ini beralih perlahan, sehingga awal 1990-an ia masih di bawah tahap kematangan. Pada abad ke-20 tahun 2000, kerajaan merangka Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan untuk mengalihkan negara dari P-ekonomi kepada K-ekonomi. Peralihan ini bertumpu kepada penarikan profesional bagi mewujudkan tenaga kerja bertaraf dunia dan meningkatkan tahap celik komputer dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui penggunaan komputer yang lebih meluas. Program Transformasi Ekonomi (PTE) adalah satu usaha untuk merubah landskap negara menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pada abad dua puluh satu (Anuar and Jamaludin, 2005)

Menurut Anuar dan Rajah (2000), kemampuan sesebuah negara untuk mencapai pembangunan yang meninggalkan kesan positif kepada sebilangan besar penduduk akan ditentukan bukan sahaja oleh corak perindustrian yang dimajukan, tetapi juga peranan pemerintah dan kuasa atau ideologi politik. Melalui perpaduan kebangsaan, masyarakat dapat maju dan bersepadu seterusnya menanam semangat mencapai pembangunan negara.

Globalisasi di negara telah membawa perubahan pada teknologi, dan perubahan pada teknologi telah mengubah perhubungan dan keperluan di antara industri dengan pekerjaan dan memberi cabaran bagi industri. Pelbagai keperluan industri dan penggunaan teknologi yang pesat telah menyebabkan pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik. Di antara faktor yang memberi cabaran bagi industri termasuklah pengambilan dan pemilihan pekerja yang bersesuaian bagi menjamin industri di Malaysia lebih kreatif serta berkemampuan bersaing di peringkat antarabangsa. Ini dijelaskan oleh pengkaji terdahulu bahawa amalan pengambilan dan pemilihan pekerja yang baik akan memberi kesan positif ke atas prestasi organisasi (Huselid, 2005, Stewart dan Knowles, 2000). Tujuan pengambilan dan pemilihan pekerja adalah untuk mencari pekerja yang terbaik bagi sesuatu jawatan yang bersesuaian.

Menurut Farnham & Stevens (2000); Min & Kleiner (2001); Scholarios *et al.*, (2003), dan Fish & Macklin (2004), pengambilan pekerja adalah proses menarik minat seberapa ramai calon untuk memohon sesuatu pekerjaan di dalam organisasi. Strategi pengambilan pekerja yang baik dapat menarik calon-calon untuk memohon sesuatu jawatan dan pemilihan pekerja dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Hari ini bukan sahaja industri memilih pekerja bahkan pekerja juga memilih industri. Kini industri lebih memberi fokus dalam mengambil pekerja baru yang mempunyai pelbagai kemahiran dengan kualiti kepimpinan dan berpengetahuan. Kelayakan pendidikan dan tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan professional merupakan ciri utama modal insan dan tenaga kerja negara berpendapatan tinggi (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015). Ahmad Tajudin (2010) juga menyatakan negara sangat memerlukan modal insan yang memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam bidang vokasional kerana keperluan pasaran yang semakin mendesak khususnya dalam sektor industri.

Kini, banyak negara membangun lebih mementingkan hasil pembelajaran di luar pencapaian akademik, iaitu lebih menumpukan kepada pendidikan teknik dan vokasional serta latihan-latihan berasaskan kemahiran. Negara-negara ini mendapati pekerja yang berpendidikan tinggi tidak tentu dapat menghasilkan kerja yang dijangka dan diharapkan. Keadaan ini wujud sehinggakan graduan yang berpendidikan tinggi tidak dapat mencari pekerjaan yang sepadan dengan pendidikan dan latihan mereka, sementara itu pihak majikan pula menghadapi masalah kekurangan pekerja berkemahiran dan bersepadan. Bagi menangani masalah ini, pembangunan tenaga kerja diperlukan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi supaya boleh berdaya saing. Pertumbuhan ekonomi akan menjadi perlahan jika pengangguran meningkat, pekerja mahir berhijrah, serta teknologi terbantut. Krisis ekonomi yang berlaku di negara-negara maju pada tahun 2008 telah mendesak negara-negara tersebut menangani isu-isu membangunkan tenaga kerja (OECD, 2010). Di negara-negara membangun, sesi dialog kebangsaan dan antarabangsa kerap dijalankan untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran pekerja serta membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi (Bank Dunia 2010a dan 2010b).

Menurut laporan Bank Dunia (2011), sistem pendidikan tinggi Malaysia perlu mempunyai fokus dan strategi pembaharuan yang jelas jika mahu bersaing di peringkat antarabangsa. Dalam usaha untuk bersaing dengan negara maju di dunia, sistem pendidikan negara perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Selain itu, nilai, etika, dan rasa tanggungjawab juga perlu diterapkan agar mereka ini berupaya mengatasi cabaran masa depan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Laporan kajian *The State of the Global Workplace: Employee Engagement Insights for Business Leaders Worldwide* oleh Perbadanan Gallup (2013) ke atas lebih dari 140 buah negara dari tahun 2011 sehingga 2012 menyatakan bukan semua kelemahan pekerja boleh dibangunkan tetapi kekuatan pekerja boleh dikembangkan. Di negara-negara luar seperti Eropah, Amerika Selatan, Asia, dan Timur Tengah, rekod pengangguran adalah tinggi merujuk kepada golongan muda. Pemuda yang menganggur ini ramai dari kalangan berkelulusan pengajian tinggi dan mereka ini boleh di panggil pengangguran terdidik. Dari statistik yang didapati dari Perangkaan Tenaga Buruh Siswazah, terdapat seramai 76200 siswazah Malaysia yang menganggur kerana tidak berkemahiran (Jabatan Perangkaan, 2011). Jabatan Tenaga Kerja menerusi portal JobStreet Malaysia telah menjalan kajian ke atas 1994 responden pada tahun 2012, di dapati 77.14 peratus daripada penganggur memerlukan pembimbing dalam usaha mencari kerja, dan 57.41 peratus responden menghadapi masalah untuk mencari kerja. (Jabatan Tenaga Kerja, 2012).

Pengangguran berlaku kerana pekerja berhenti kerja atau bakal pekerja yang tidak berminat untuk bekerja atas sebab-sebab tertentu, termasuk ketidak puasan kerja. Menurut kajian yang dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (2005), pekerja yang kekurangan kemahiran kerja dan pengalaman kerja serta tidak dapat memenuhi keperluan industri, iaitu mereka tidak mempunyai kemahiran generik dan tidak memenuhi struktur guna tenaga akan menganggur.

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan 2011 yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kepada graduan diploma yang belum bekerja, didapati 63.2 peratus daripada 16,978 orang graduan diploma masih menganggur, mereka sedang mencari pekerjaan (Lampiran A). Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar pengangguran siswazah pada tahun 2010 ialah 2.5 peratus, jumlah ini bersamaan dengan 328,000 orang siswazah yang menganggur (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Kajian Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) mendapati pengangguran siswazah bukan kerana tiada kerja tetapi disebabkan sikap yang terlalu memilih kerja, samada dari segi lokasi, jenis dan gaji (IPPTN, 2003).

Yusof Anuar (2011) bersetuju bahawa masalah pengangguran berlaku kerana sikap pekerja sendiri yang menentukan samada mereka mendapat kerja. Bagi pekerja yang berpengetahuan biasanya mereka akan mengelakkan diri daripada memilih pekerjaan yang berbahaya dan berisiko tinggi. Morshidi Sirat et. al (2004) telah menjalankan kajian ke atas masalah pengangguran di kalangan siswazah, kajiannya mendapati penganggur menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Dapatan kajian beliau juga menunjukkan terdapat perkaitan di antara pengangguran dengan sikap terlalu memilih kerja dan tempat kerja. Sikap ini merangkumi tidak boleh bekerja dalam pasukan, tidak sanggup belajar daripada pekerja bawahan, terlalu berkira serta tidak proaktif dan ketiadaan inisiatif menyelesaikan masalah secara sendiri. Mohd. Ali Rustam (2009) juga mengatakan kadar pengangguran dapat dikurangkan sekiranya sikap terlalu memilih kerja dapat diatasi, dan ini dapat membantu membangunkan negara.

Perangkaan pasaran buruh di Malaysia pada Ogos 2013 menunjukkan kadar pengangguran negara ini telah bertambah dari 2.7% pada Ogos tahun 2012 kepada 3.1% pada Ogos tahun 2013 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Pertambahan kadar pengangguran akan mendorong kepada isu peningkatan masalah-masalah sosial seperti mewujudkan keadaan tidak tenteram dalam keluarga yang mungkin membawa kepada penceraian (Hamidah, 2008). Akibat masalah kewangan, penganggur melakukan perkara anti sosial dan mengalami masalah tekanan jiwa dalam kehidupannya jika lama menganggur. Masalah-masalah sosial boleh

menjejaskan imej negara samada di dalam negara ataupun di peringkat antarabangsa (Jomo dan Ishak, 2003).

Pengangguran membawa kesan kepada ekonomi. Apabila ramai pekerja yang menganggur, maka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan berkurangan. Keluaran Dalam Negara Kasar yang berkurangan akan mengurangkan pendapatan per kapita dan seterusnya menurunkan taraf hidup penduduk. Kadar pengangguran yang tinggi akan mengurangkan cukai pendapatan dan cukai keuntungan syarikat dan seterusnya mengurangkan pendapatan negara. Keadaan ini akan melambatkan proses pembangunan negara kerana kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan pembangunan. Secara tidak langsung, ianya akan meningkatkan kadar kemiskinan dalam negara dan menjejaskan usaha kerajaan untuk memajukan negara (Jomo dan Shamsulbahriah, 2004).

Menurut Ibrahim dan Zaiton (2008), modal insan merupakan sumber terpenting dalam sesebuah organisasi. Pekerja yang baik dan berkualiti adalah idaman bagi setiap majikan. Kebanyakan organisasi mengambil dan memilih pekerja yang produktif kerana terdapat persaingan di pasaran sama ada domestik atau antarabangsa yang memberikan pengaruh yang sangat besar kepada sesebuah organisasi, pekerja yang produktif dapat bersaing dengan pesaing-pesaing organisasi yang lain (Goetsch, 2002). Sesebuah organisasi dalam menentukan sumber manusia mereka produktif ialah dengan memberi lebih perhatian dalam sesi pengambilan dan pemilihan pekerja. Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015), dengan jelas menggariskan kelayakan pendidikan yang tinggi dapat menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi negara, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional, serta paras produktiviti yang tinggi adalah antara ciri utama modal insan dan tenaga kerja negara berpendapatan tinggi. Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) sebagai kesinambungan untuk menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang menerajui industri membantu menyediakan modal insan berkemahiran. Pekerja yang selaras dengan keperluan industri dapat menarik pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan (RMK-11).

Senario sekarang memperlihatkan dengan penambahan universiti-universiti dan kolej-kolej swasta telah wujud lebih penawaran dalam pasaran pekerjaan. Lebih pekerja yang berpengetahuan ini telah menyebabkan persaingan yang hebat di dalam pasaran pekerjaan. Ini seterusnya memberi lebih peluang kepada industri membuat pemilihan pekerja. Kajian Muhammad Hazrul (2012) ke atas perspektif majikan terhadap kebolehpasaran siswazah mendapati wujudnya kekurangan di dalam prestasi kerja sebenar para graduan dengan prestasi yang diharapkan oleh majikan. Keadaan ini agak membimbangkan, dan ianya perlu dilihat dalam konteks micro agar kekurangan ini dapat diatasi seterusnya memahami keperluan semasa pihak industri.

Menurut Abd. Rahim et. al (2006), majikan kini mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap kebolehan pekerjaanya. Mereka memilih pekerja yang dapat menyahut cabaran globalisasi serta dapat membawa organisasi ke tahap penghasilan yang tinggi. Kajian yang di jalankan oleh Austra and Asta (2009), mendapati wujudnya ketidaksepadanan di antara apa yang ditawarkan oleh majikan dengan apa yang dikehendaki oleh pekerja. *Glassdoor Survey* (2013) mendapati enam daripada sepuluh pekerja mengatakan aspek pekerjaan baru mereka berbeza dengan jangkaan yang ditetapkan semasa temuduga. Laporan *Employee Engagement and Commitment* oleh *Society for Human Resource Management* (SHRM) pada tahun 2006 menyatakan pekerja yang komited terhadap organisasi boleh menguntungkan organisasi, meningkatkan produktiviti organisasi serta merendahkan pertukaran kerja pekerja di organisasi.

Menurut Markos et. al (2010), pengurus harus berkomunikasi dalam dua hala, memastikan para pekerja mempunyai sumber yang cukup untuk bekerja, memberi latihan kepada pekerja untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka, memberi ganjaran kepada pekerja yang rajin, dan mengadakan sistem pengurusan yang baik untuk mengelakkan pekerja yang berprestasi baik bertukar kerja demi meningkatkan prestasi perniagaan.

Pada tahun 2001, DYG SCAN telah menjalankan satu kajian *The New Workplace : Attitudes and Expectations of a New Generation At Work*. Di dalam

kajian kualitatif, di dapati pekerja dalam era teknologi ini menekankan kepada aspek nilai, sikap dan hak mereka sebagai individu. Mereka berpendapat bahawa penekanan kepada teknologi, globalisasi, krisis ekonomi yang berulang-ulang dan kompetitif serta pengecilan organisasi menyumbang kepada ketidakstabilan perhubungan antara majikan dan pekerja.

Akta dan undang-undang pekerjaan di Malaysia membela hak pekerja. Menurut Asniza Hamimi et. al (2008), hak asasi pekerja termasuk mendapat perlindungan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Pekerja yang mempunyai perspektif akan lebih berdaya tahan terhadap kesukaran, apabila organisasi menggalakkan sikap positif di kalangan pekerja mereka, mereka cepat berkembang (Froman, 2010). Organisasi mempunyai jangkaan terhadap pekerjanya, dan pekerja juga berhak untuk mengharapkan sesuatu daripada pihak majikan. Jika jangkaan dari kedua-dua pihak tidak dapat di penuhi maka perhubungan di antara kedua-dua pihak akan terjejas. Kepuasan kerja berkait rapat dengan komitmen afektif, jika pekerja berpuas hati dengan organisasi, mereka akan kekal di organisasi tersebut (Jason et. al, 2012) .

Majikan mengalu-alukan pekerja yang berpengalaman. Menurut Suresh Kumar (2009), isu pengangguran dikaitkan dengan sikap majikan yang sangsi terhadap kebolehan pekerja yang tiada pengalaman. Sesetengah majikan melihat pengalaman lebih penting berbanding dengan taraf pendidikan. Menurut laporan dari *United Nations*, golongan muda yang kurang pengalaman dan kemahiran sering menghadapi masalah mencari kerja jika dibandingkan dengan orang dewasa. Kadar pengangguran belia global semakin meningkat sehingga mencapai rekod 75.8 million pada tahun 2009 (*World Youth Report*, 2012). Faktor kekurangan pengalaman bekerja serta majikan yang menetapkan pengalaman bekerja sebagai syarat pelantikan boleh menyebabkan pekerja menganggur (Subramaniam, 2011) .

Majikan juga amat mengharapkan pekerja yang berkomitmen. Menurut O'Malley (2000), komitmen pekerja adalah dilihat sebagai suatu keperluan dalam

perkembangan sesebuah organisasi. Pekerja yang berkomitmen tinggi dapat meningkatkan produktiviti organisasi, mereka berkepuasan kerja dan kadar ponteng mereka adalah minima (Worrall *et al.*, 2000; Culverson, 2002). Menurut Bennett dan Durkin (2000), pekerja yang berkomitmen terhadap organisasi akan memberi sumbangan inovasi dan kreativiti ke arah meningkatkan keupayaan organisasi.

Azlinda (2013) menyatakan pekerja yang kurang bermotivasi akan menyebabkan kekurangan komitmen terhadap organisasi yang diceburinya. Pekerja yang tidak berkomitmen mudah menukar kerja. Apabila mereka tidak berpeluang untuk mengembangkan kerjaya dan menghadapi tekanan kerja yang tinggi, mereka akan berhenti kerja (Halifah, 2005). Pemberhentian kerja mereka akan menyebabkan bertambah beban kerja kepada pekerja yang tinggal dan yang masih berada di organisasi dan ini akan merendahkan moral pekerja.

Majikan berharap mendapat pekerja yang komitmen kepada organisasi. Pekerja yang boleh menguruskan masa dengan baik serta menepati masa semasa bekerja, dapat menyelesaikan tugas secara berdikari, memiliki sifat yang positif, rajin bekerja, bijak dan teliti, sanggup menerima tugas tambahan, dan bersedia untuk terus belajar kemahiran baru amat digemari majikan. Semasa pengambilan pekerja baru, majikan telah mengandaikan pekerja itu memahami etika kerja yang tersirat. Menurut Abd. Rahim *et. al* (2006), pekerja perlu mempamerkan etika kerja yang baik seperti taat dan setia kepada organisasi, memberi sumbangan idea untuk perkembangan organisasi dan menjaga daya pengeluaran organisasi mereka.

Tom *et al.*, (2011), menjalankan kajian *The Skills Gap In U.S. Manufacturing* ke atas 1123 orang eksekutif dari lima puluh buah negeri. Terdapat 67% daripada responden melaporkan keadaan kekurangan pekerja berkemahiran ini kurang kritikal, 56% daripada responden menjangkakan kekurangan ini akan lebih kritikal dalam tempoh tiga hingga lima tahun yang akan datang. 5% berpendapat bahawa masih terdapat kekurangan calon yang layak. Hasil kajian juga menunjukkan kurangan tenaga mahir yang semakin kritikal ini akan mengancam keberkesanan masa depan industri pembuatan Amerika Syarikat.

Ketidaksepadanan antara jangkaan industri dengan pekerjaan boleh menyebabkan ramai bakal pekerja kurang berminat untuk bekerja di sesebuah organisasi. Mereka mencari-cari organisasi yang boleh memenuhi jangkaan mereka dan ada di antara mereka mungkin sanggup menunggu sehingga mereka dapat menemui tempat kerja yang boleh memenuhi harapan mereka. Menurut Smith (2012) dalam kajian *Randstad Employer Sentiment*, pencari kerja (*jobseekers*) akan memilih organisasi yang mempunyai budaya yang menekankan kerja kumpulan, pengiktirafan dan menawarkan suasana pekerjaan yang seimbang.

Organisasi komersial dan pihak-pihak yang berkepentingan menyatakan bahawa kemahiran yang dimiliki oleh pelajar-pelajar universiti kini tidak dapat memenuhi keperluan kemahiran yang diperlukan akibat perubahan dalam pasaran pekerjaan peringkat globalisasi antarabangsa. Pengubal polisi, para pendidik, korporat dan ahli perniagaan boleh menetapkan matlamat untuk menjana tenaga kerja berkualiti (ACT, Inc., 2000).

Kenyataan yang dikeluarkan oleh majikan terhadap graduan tempatan gagal menepati kehendak majikan sering menjadi topik perbincangan (Bernama, 2012). Perdebatan ini terus berlanjutan kerana penyediaan tenaga kerja perlu mendapat sokongan yang padu dari pihak industri di dalam penghasilan tenaga kerja. *Pengurus Manpower Staffing Services (M) Sdn Bhd*, Sam Haggag (2012) berkata bahawa terdapat jurang yang ketara antara kemahiran pekerja dengan apa yang dicari majikan. Ramai graduan baru tidak mempunyai kemahiran pemikiran kritikal yang diperlukan untuk bersaing di dalam dunia yang sentiasa berubah dan kompetitif, keadaan ini menyebabkan mereka sukar mendapat kerja (Susima dan Sununtan, 2003). Siti Rahayah et al., (2008), mencadangkan senaraikan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam persekitaran kerja pada masa kini, dan masa depan serta menentukan tahap-tahap kompetensi pelajar-pelajar universiti yang perlu dilaksanakan untuk menangani masalah ini.

Kajian yang dijalankan secara *online: Google Pips Apple to the Top Employer Post* ke atas 2133 orang dewasa di UK menunjukkan 82 peratus bersetuju bahawa pekerjaan yang menawarkan persekitaran kerja yang baik menjadi pilihan

utama, diikuti dengan 81 peratus yang memilih kerja yang mempunyai gaji dan faedah yang menarik (Andy Hague, 2012). Menurut kajian yang dijalankan oleh *Corporate Executive Board*, dapatan menunjukkan *effective work-life* menggalakkan pekerja bekerja dengan lebih tekun dan tidak menggalakkan mereka berhenti kerja (Katherine, 2012).

Industri negara Malaysia berhadapan dengan pelbagai masalah yang lazimnya tidak dihadapi oleh negara maju. Masalah utama ialah kekurangan tenaga kerja mahir. Pengurus Jobstreet Malaysia, Chook Yung Yng berkata bahawa negara mempunyai industri canggih tetapi kekurangan tenaga kerja mahir. Kaji selidik JobStreet.com menunjukkan 65 peratus Generasi Y bekerja tidak sampai dua tahun, dan bertukar kerja.

Seramai 571 pengurus sumber manusia yang ditemubual oleh Jobstreet pada November 2011, didapati kebanyakan mereka tidak mengupah pencari kerja yang lemah kemahiran komunikasi, dan pencari kerja yang meminta gaji yang tidak realistik. Masalah kurang berkemahiran komunikasi juga dihadapi di negara seperti Thailand, Nepal, Taiwan, China, Hong Kong, dan Jepun. Australia juga memberi fokus utama bagi menekankan kemahiran generik di kalangan pelajar universiti-universiti di Australia (National Centre for Vocational Education Research NCVET, 2003).

Ada juga pekerja menganggur disebabkan oleh sikap mereka sendiri serta majikan yang terlalu memilih pekerja. Pengangguran membawa kesan negatif kepada ekonomi negara, pendapatan per kapita dan taraf hidup penduduk negara akan menurun. Masalah pengangguran telah menjadi satu isu yang sensitif kepada semua pekerja. Kesan pengangguran melambatkan pembangunan negara dan meningkatkan kadar kemiskinan dalam negara serta membawa masalah sosial seperti peningkatan jenayah akibat masalah kewangan, masalah tekanan jiwa, dan tidak berkeyakinan pada diri sendiri.

Memandangkan banyak masalah yang timbul akibat ketidak sepadanan di antara industri dan pekerja, maka satu kajian perlu dijalankan ke atas majikan dan pekerja bagi mengenal pasti jangkaan industri terhadap pekerja. John & Ralph (1998) mengatakan kajian telah dibuat oleh *Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills (SCANS)* dan *American Society for Training and Development (ASTD)* ke atas kemahiran di tempat kerja. Dapatan kajian menunjukkan kemahiran di tempat kerja boleh menjamin kebolehpekerjaan, tetapi amat sedikit kajian yang ditulis tentang kemahiran kebolehpekerjaan yang diperlukan untuk individu terutamanya di dalam sektor industri pembuatan.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah, penyelidik sedar bahawa pekerja gagal memenuhi kehendak industri pembuatan dan industri pula mengalami masalah mendapat pekerja yang bersepadanan. Penyelidik berpendapat adalah wajar satu kajian dijalankan untuk mengenalpasti apakah jangkaan industri terhadap pekerja di sektor pembuatan. Sektor pembuatan dipilih kerana ia merupakan sektor yang kedua ramai pekerja selepas sektor perkhidmatan. Sektor ini mempunyai banyak industri kecil sederhana yang mana memerlukan ramai tenaga kerja mahir. Adalah menjadi keutamaan kepada industri dan individu untuk mencari kesepadanan kepercayaan tentang pekerjaan dan nilai yang dipegang oleh kedua-dua pihak untuk kebaikan bersama. Bakal pekerja perlulah menyiapkan diri bagi memenuhi kehendak industri, mereka perlu sedar bahawa mendapat kecemerlangan di dalam bidang akademik belum tentu menjamin daya saing di dalam pasaran kerja.

Majikan di dalam mana-mana organisasi mengharapkan pekerja dan bakal pekerja mempunyai kompetensi tertentu untuk melaksanakan tugas dengan baik. Adalah perlu untuk memastikan bahawa bakal pekerja mengetahui dan memahami kehendak pihak majikan, dan usaha boleh dilaksanakan untuk membantu mereka menyiapkan diri dengan kemahiran dan sikap yang diperlukan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah :

1. Mengenal pasti jangkaan industri terhadap kriteria-kriteria komitmen kerja.
2. Mengenal pasti jangkaan industri terhadap kriteria kemahiran berkomunikasi.
3. Mengenal pasti jangkaan industri terhadap kriteria kemahiran profesional.
4. Mengenal pasti jangkaan industri terhadap prestasi pekerja.
5. Mengenal pasti perbezaan kriteria antara jangkaan majikan dengan jangkaan pekerja?

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah jangkaan industri terhadap kriteria tanggungjawab pekerja?
2. Apakah jangkaan industri terhadap kriteria kepuasan pekerja?
3. Apakah jangkaan industri terhadap kriteria persekitaran tempat kerja ?
4. Apakah jangkaan industri terhadap kriteria kemahiran berkomunikasi pekerja?
5. Apakah jangkaan industri terhadap kriteria kemahiran profesional?
6. Apakah jangkaan industri terhadap prestasi kerja?
7. Adakah terdapat perbezaan kriteria antara jangkaan majikan dengan jangkaan pekerja?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, satu hipotesis kajian dihasilkan untuk menjawab samada terdapat perbezaan kriteria antara jangkaan majikan dengan jangkaan pekerja.

H_0 : Tidak terdapat perbezaan kriteria yang signifikan di antara jangkaan majikan dan jangkaan pekerja.

Ujian t digunakan untuk menentukan jika terdapat apa-apa perbezaan min populasi.

1.7 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa kepentingan, di antaranya ialah:

Dapat dijadikan satu panduan untuk membantu pihak industri dan institusi yang melatih pekerja mengetahui suasana kerja untuk mengurangkan jurang antara kekosongan pekerjaan dengan pekerja.

Dapat dijadikan panduan untuk pihak industri dalam mengatasi masalah semasa pengambilan pekerja.

Dapat dijadikan rujukan kepada pekerja untuk meningkatkan kualiti dan perkhidmatan kerja.

Dapat dijadikan sebagai panduan dalam membantu menyediakan pelajar di institusi pengajian tinggi seperti di universiti, politeknik dan kolej komuniti dengan

kemahiran dan sikap kerja yang diharapkan oleh industri supaya dapat membantu meningkatkan produksi organisasi.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada 150 buah Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang mengeluarkan produk makanan dan minuman, produk plastik, produk getah, produk kertas, produk kayu, produk petrol kimia, dan produk tekstil dan kulit di kawasan perindustrian Johor yang mempunyai pekerja di antara 51 hingga 150 orang. IKS pembuatan yang dikaji di sini adalah IKS yang berdaftar dengan SME Corporation Malaysia (SME Corp) sahaja (Lampiran B).

Responden kajian yang dipilih terdiri daripada dua kumpulan, kumpulan pertama ialah pegawai sumber manusia. Mereka dipilih sebagai responden kerana mereka mengambil peranan sebagai pemerhati dan berperanan dalam membangunkan modal insan di kilang. Responden kedua ialah juruteknik industri yang berkemahiran tetapi bukan pentadbir. Responden ini berkemahiran, berpengetahuan dan berkelulusan samada dari universiti, kolej, atau sekolah teknik dan vokasional. Kedua-dua kumpulan ini dijadikan responden kerana pengkaji ingin mengenal pasti kriteria-kriteria dan elemen-elemen jangkaan industri terhadap pekerja.

Pembolehkan bersandar ialah industri (majikan dan pekerja), sementara pembolehkan bebas ialah kriteria-kriteria kemahiran generik dan komitmen kerja.

1.9 Batasan Kajian

